

MBK TANAM 50 POKOK BAKAU

KUANTAN, 14 OGOS 2021 : Kerajaan Pahang melalui Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) menanam 50 pokok bakau di pinggiran Sungai Kuantan hari ini.

Datuk Bandar Majlis Bandaraya Kuantan (MBK), YH. Dato' Hamdan Hussin berkata penanaman pokok bakau ini bertujuan memastikan kelestarian ekosistem.

"Kita menanam 50 pokok jenis bakau minyak dan bakau kurap hari ini dalam usaha memelihara alam sekitar sebagai warisan generasi masa hadapan.

"Penanaman pokok bakau ini juga adalah bagi memperkaya dan memperkuuhkan lagi sumber nutrien tanah kawasan ini yang menjadi habitat bagi flora dan fauna," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menanam pokok bakau dalam Program Penyelenggaraan Laluan Pejalan Kaki di Pinggiran Sungai Kuantan di sini.

Turut hadir, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Pahang, YB. Dato' Abd Rahim Muda; dan Pegawai Daerah Kuantan, YM Tengku Dato' Nor Asmaliza Ku Lah.

Beliau berkata selain penanaman pokok bakau ini, pihaknya juga dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) turut menyelenggara kawasan berkenaan.

"Kita juga menyelenggara pokok mati di sepanjang laluan pejalan kaki ini bagi memastikan ianya selamat dan terjaga rapi bagi memudahkan orang ramai untuk menggunakannya.

“Selain itu, kita juga membersihkan kawasan sekitar dengan bantuan 30 kakitangan daripada MBK dan JPNP,” katanya. **-PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

**#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang
#UKOMP**

Oleh : Ain Nadhirah Basha

Foto : Muhammad Muslimi Abd. Rahim

(LIPUTAN BERGAMBAR)



 PAHANG MEDIA
MUHAMMAD MUSLIMI

